


Formula 17

بِنْيَةُ الْفِعْلِ

BINAAN KK

17.1 INDUKSI

BINAAN KATA ialah "acuan" atau "bentuk" yang dipakai dalam membina atau membentuk sesuatu KK, sama ada secara **MUJARRAD** (Tak Berimbuhan) atau **MAZID** (Berimbuhan).



17.2 FORMULA ASAS

1. **BINAAN KATA** (الصيغة / البنية) ialah "**Acuan**" atau "**Bentuk**" sesuatu perkataan.
2. Dalam konteks KK, ia boleh di bahagikan kepada "**KK Mujarrad**" (KK Tak Berimbuhan) dan "**KK Mazid**" (KK Berimbuhan).
3. **KK MUJARRAD** ialah KK yang tidak ditambah dengan mana-mana "Huruf Imbuhan". Ia biasanya terdiri daripada 3 atau 4 huruf asal sahaja.
4. **KK MAZID** ialah KK yang ditambah dengan salah satu atau lebih daripada huruf-huruf imbuhan.
5. **HURUF IMBUHAN BA** ialah 10 huruf penambah berikut :
 سَ أ ل ت م و ن ي هَ أ
6. **KK MADHI** ialah KK asas yang terdiri daripada 3 atau 4 huruf asas.
7. **KK MUDHARI'** ialah KK MADHI yang telah ditambah di awalnya salah satu daripada huruf-huruf berikut :-
 أ ن ي تَ
8. **KK AMR** ialah KK yang diterbitkan daripada KK MUDHARI' untuk menunjukkan makna "perintah" atau "suruhan".
9. Setiap kata kerja memerlukan kepada "**Neraca Ayat**" dalam pemakaiannya.
10. **NERACA AYAT** ialah ciri binaan sesuatu KK. Ia terdiri daripada aspek "**Bilangan**", "**Gender**" (Jantina) dan "**Posisi**".
11. **BILANGAN** (العدد) ialah ciri yang menerangkan jumlah atau kuantiti pihak yang terlibat dengan KK berkenaan.
12. **GENDER** (الجنس) ialah ciri yang menerangkan unsur jantina pihak yang terlibat dengan KK berkenaan.

13. **POSISI** (الحالة) ialah ciri yang menerangkan kedudukan pihak yang terlibat dengan KK berkenaan. Ciri ini berkait rapat dengan aspek Ganti Nama.

14. **Contoh :-**

أمر	مضارع	ماض	الفعل النوع
أُخْرِجْ	يُخْرِجُ	خَرَجَ	مجرد
أُخْرِجِي	تُخْرِجُ	خَرَجَتْ	
أَخْرِجْ	يُخْرِجُ	أَخْرَجَ	مزيد
أَخْرِجِي	تُخْرِجُ	أَخْرَجَتْ	

17.3 ACUAN KATA KERJA MUJARRAD

Acuan KK MUJARRAD adalah bentuk binaan yang bersifat semulajadi. Ia hanya diketahui dengan merujuk kepada kamus. Bentuk Binaan KK MUJARRAD boleh dilihat seperti dalam jadual di bawah:-

فماذج	مضارع	ماض
(فَفْتَحَ - يَفْتَحُ)	يَفْعَلُ	فَفَعَلْ
(فَنَزَلَ - يَنْزِلُ)	يَفْعَلُ	
(فَنَصَرَ - يَنْصُرُ)	يَفْعَلُ	
(فَفَرِحَ - يَفْرَحُ)	يَفْعَلُ	فَفَعِلْ
(فَحَسِبَ - يَحْسِبُ)	يَفْعَلُ	
(فَحَسَنَ - يَحْسُنُ)	يَفْعَلُ	فَفَعِلْ

KETERANGAN

1. **ACUAN (WAZAN)** ialah kata timbang kepada kedudukan huruf-huruf dan bunyi bacaannya dalam sesuatu perkataan, di mana (ف) mewakili huruf asal pertama, (ع) huruf asal kedua dan (ل) huruf asal ketiga.
2. **KK MUJARRAD (الفعل المجرد)** ialah kata kerja yang terdiri daripada tiga huruf asal sahaja. Ia boleh dibahagikan kepada **KK Madhi** dan **KK Mudhori'**.
3. **KK MADHI (الفعل الماضي)** ialah kata kerja yang menunjukkan berlaku sesuatu perbuatan pada masa yang lepas.
4. **KK MUDHORI'** ialah kata kerja yang menunjukkan berlaku sesuatu perbuatan pada "masa kini" atau "masa akan datang".
5. **Bacaan** huruf pertama (ف) dan ketiga (ل) **KK MADHI** adalah sentiasa **FATHAH**, tetapi bacaan huruf kedua (ع) hendaklah ditentukan melalui kamus sama ada **FATHAH** atau **DHOMMAH** atau **KASRAH**.
6. Bacaan **HURUF MUDHORAAH** yang berada di awal **KK MUDHOARI'** adalah sentiasa **FATHAH**.
7. **Huruf asal pertama** **KK Mudhori'** (ف) pula sentiasa **SUKUN (Mati)** dan huruf asal ketiga (ل) pula **DHOMMAH**. Manakala bacaan **huruf asal kedua** hendaklah ditentukan melalui kamus sama ada **FATHAH** atau **DHOMMAH** atau **KASRAH**.
8. **Acuan (فَعَلَ)** lebih banyak mewakili **KK Transitif (الفعل المتعدي)** daripada **KK Tak Transitif (الفعل اللازم)**.
9. **Acuan (فَعَلَ)** lebih banyak mewakili **KK Tak Transitif (الفعل اللازم)** daripada **KK Transitif (الفعل المتعدي)**.
10. **Acuan (فَعَلَ)** hanya khusus untuk **KK Tak Transitif (الفعل اللازم)**.

11. **Fungsi Makna** KK Mujarrad tersebut boleh dihayati melalui contoh-contoh dalam jadual di bawah:-

Wazan		Fungsi	Contoh
فَعْلٌ	يَفْعُلُ	Kebiasaannya menunjukkan makna <i>himpun pisah, beri, tegah, halang, siksa, menang, bela, ubah, kekal, gerak, tutup, buang, lontar, bunyi</i> .	يَمْنَحُ الْمُدِيرُ الطَّالِبَ الْمَتَفَوِّقَ هَدِيَّةً يَذْهَبُ الْعَمَالُ إِلَى الْمَصْنَعِ
	يَفْعِلُ		يَبْكِي الطِّفْلُ إِذَا جَاعَ يَمْلِكُ النَّاسُ مَا كَسَبُوا مِنَ الْأَمْوَالِ
	يَفْعَلُ		يَوْمَ نَحْشُرُهُمْ جَمِيعًا يَسْكُنُ السُّلْطَانُ إِسْمَاعِيلَ فِي قَصْرِهِ
فَعِيلٌ	يَفْعِيلُ	Kebiasaannya menunjukkan makna <i>penyakit, warna, dan ciri</i> ketika Lazim	يَمْرُضُ الْعَجُوزُ لِكَبِيرِ سِنِّهِ يَظْمَأُ الْمُسَافِرُ فِي صَحْرَاءَ
	يَفْعِلُ		يَعْطِشُ الصَّائِمُ نَهَارَ رَمَضَانَ يَكْدِرُ مَاءَ الْحَوْضِ إِذَا نَزَلَ الْمَطْرُ
فَعْلٌ	يَفْعُلُ	Kebanyakan maknanya berkenaan dengan tabiat semulajadi seperti <i>baik, buruk, tinggi, rendah, panjang pendek, mulia, lembut, bersih, bodoh</i> dsb.	يَحْسَنُ مُحَمَّدٌ فِي كَلَامِهِ يَطُولُ الْجَبَلُ مَا لَمْ يُقَطَّعْ يَشْرُفُ الْحَلِيمُ خُلُقًا

17.4 ACUAN KATA KERJA MAZID

1. **KK MAZID** ialah Kata Kerja Mujarrad Thulathi atau Ruba`ei yang telah menerima penambahan satu atau lebih, daripada huruf penambah / imbuhan.
2. Lihat formula ini :-

$$\text{KK MUJARRAD} + \text{WAZAN KK MAZID} = \text{KK MAZID}$$

3. Perhatikan contoh-contoh berikut :-


1- قتل (Bunuh) + فاعل (me ...) = قاتل (membunuh)

2- غفر (Ampun) + استفعل (Minta / Usaha untuk) = استغفر

4. **Acuan KK MAZID** adalah bentuk binaan yang bersifat "Kiasan" yang menerima penambahan huruf-huruf imbuhan
5. Huruf Imbuhan bahasa Arab ialah :-

سَ أَل ت مُ و ن ي هَا

- ✓ **ACUAN KATA KERJA MAZID WAJIB DI HAFAZ.**
- ✓ Acuan KK Mazid yang paling mustahak adalah 8 sahaja, iaitu:-



CONTOH	IMBUHAN	مضارع	ماض
أَخْرَجَ - يُخْرِجُ	Me =	يُفْعِلُ	أَفْعَلُ
فَكَّرَ - يُفَكِّرُ	Me / Ber =	يُفَعِّلُ	فَعَّلَ
قَاتَلَ - يُقَاتِلُ	Me / Ber =	يُفَاعِلُ	فَاعَلَ
تَدَبَّرَ - يَتَدَبَّرُ	Ber / Ter =	يَتَفَعَّلُ	تَفَعَّلَ
تَفَاهَمَ - يَتَفَاهَمُ	Ber =	يَتَفَاعَلُ	تَفَاعَلَ
إِفْتَخَرَ - يَفْتَخِرُ	Ber / Ter =	يَفْتَعِلُ	إِفْتَعَلَ
إِنْدَرَّ - يَنْدَرُّ	Ter =	يَنْفَعِلُ	إِنْفَعَلَ
إِسْتَعْفَرَ - يَسْتَعْفِرُ	Berusaha / Minta =	يَسْتَفَعِلُ	إِسْتَفَعَلَ

KETERANGAN

1. **KK MUJARRAD** ialah kata kerja yang terdiri daripada 3 atau 4 huruf asal semata-mata.
2. **KK MAZID** ialah kata kerja yang menerima penambahan satu atau lebih daripada "Huruf Imbuhan" di atas.
3. **ACUAN KK MAZID** berfungsi untuk :-
 - i. **Menentukan kedudukan huruf-huruf asal** sesuatu kata kerja berimbuhan.
 - ii. **Menentukan tanda harakat** (baris) sesuatu kata kerja berimbuhan.
 - iii. **Membawa "makna imbuhan"** (makna tersirat)
4. **MAKNA TERSIRAT** adalah fungsi utama yang ingin disampaikan oleh KK Mazid. Contohnya :-

$$\text{قَاتَلَ} = \text{فَاعَلَ} + \text{قَتَلَ}$$

Berbunuh-bunuhan : "Saling Bertindak" + "Bunuh"

5. Penghayatan terhadap bentuk-bentuk "Fungsi Makna Tersirat" adalah amat mustahak.
6. **ACUAN KK MAZID** juga adalah asas kepada proses "penerbitan kata" (الاشتقاق) dalam bahasa Arab.

17.5 APLIKASI**17.5.1 PENEKANAN**

Aplikasi ini bertujuan mengenalpasti perkara-perkara berikut:

- **Acuan Kata Kerja.**
- **Kata Kerja Mujarrad & Mazid**
- **Kata Kerja Madhi, Mudhori' dan Amr.**
- **Sistem Pengimbuhan KK Bahasa Arab.**

17.5.2 TEKS & TERJEMAHAN

Baca petikan-petikan berikut dengan teliti, kemudian perhatikan format aplikasi yang diberi.

الِاتِّحَادُ قُوَّةٌ

هُنَاكَ رَجُلٌ كَبِيرٌ فِي السِّنِّ ، لَا يَقْتَدِرُ عَلَى تَحْمَلِ أَعْبَاءِ الْعَيْشِ ، لَهُ أَبْنَاءٌ
ثَلَاثَةٌ أَقْوِيَاءُ ، رَبَاهُمْ تَرْبِيَةٌ دِينِيَّةٌ حَسَنَةٌ ، وَكَانُوا يُحِبُّونَهُ وَيُطِيعُونَهُ ، وَهُمْ يَتَعَاوَنُونَ
فِي آدَاءِ الْوَاجِبَاتِ لِأَسْرَتِهِمْ .

مَرَّتِ الْأَيَّامُ ، مَرَضَ الرَّجُلُ مَرَضًا شَدِيدًا ، فَأَرَادَ أَنْ يُوصِيَ أَبْنَاءَهُ قَبْلَ أَنْ
يَمُوتَ وَصِيَّةً تَنْفَعُهُمْ فِي حَيَاتِهِمْ ، وَيَرْجُو أَنْ تَسْتَفِيدُوا مِنْهَا فِي مُسْتَقْبَلِهِمْ .

جَمَعَ الرَّجُلُ أَبْنَاءَهُ الثَّلَاثَةَ ، ثُمَّ أَعْطَى كُلَّ وَاحِدٍ مِنْهُمْ عُوْدًا لِيُكَسِّرَهُ ،
فَكَسَّرَهُ كُلُّ وَاحِدٍ مِنْهُمْ بِسُهُولَةٍ ، ثُمَّ أَعْطَى كُلَّ وَاحِدٍ مِنْهُمْ حُزْمَةً مِنَ الْعِيدَانِ
وَطَلَبَ مِنْهُمْ أَنْ يُكَسِّرُوهُ ، فَحَاوَلَ كُلُّ وَاحِدٍ مِنْهُمْ كَسْرَهَا فَلَمْ يَقْدِرْ .

نَظَرَ الرَّجُلُ إِلَى أَبْنَائِهِ وَوَضَعَ عَيْنَيْهِ فِي عُيُونِهِمْ وَقَالَ :-
" أَنْتُمْ ، يَا أَبْنَائِي ! مِثْلُ هَذِهِ الْعِيدَانِ ،
أَقْوِيَاءٌ إِذَا اتَّحَدْتُمْ ، ضِعَافٌ إِذَا تَفَرَّقْتُمْ "

(بقلم الأستاذ المساعد الدكتور إسحاق رجب - بتصريف يسير)

17.5.3 FORMAT APLIKASI

Perhatikan "BENTUK" KK yang terdapat dalam teks di atas.
Kemudian padankan dengan format aplikasi dalam jadual di
bawah :-

KATA KERJA	BENTUK	WAZAN	NAMA KK
1. يَقْتَدِرُ	مزيد	يَفْتَعِلُ	مضارع
2. رَبِّي + هم	مزيد	فَعَلَ	ماض
3. يُحِبُّ + ون	مزيد	يُفْعِلُ	مضارع
4. يُطِيعُ + ون	مزيد	يُفْعِلُ	مضارع

5. يَتَعَاوَنَ + ون	مزيد	يَتَفَاعَلُ	مضارع
6. مَرَّ + ت	مجرد	فَعَلَ	ماضي
7. مَرَضَ	مجرد	فَعَلَ	ماض
8. ف + أَرَادَ	مزيد	أَفْعَلَ	ماض
9. يُوصِي	مزيد	يُفْعِلُ	مضارع
10. يَمُوتُ	مجرد	يَفْعُلُ	مضارع
11. تَنَفَّعَ + هم	مجرد	تَفَعَّلَ	مضارع
12. يَرْجُو	مجرد	يَفْعُلُ	مضارع
13. تَسْتَفِيدُ + وا	مزيد	تَسْتَفْعِلُ	مضارع
14. جَمَعَ	مجرد	فَعَلَ	ماض
15. أَعْطَى	مزيد	أَفْعَلَ	ماض
16. طَلَبَ	مجرد	فَعَلَ	ماض
17. ل + يُكَسِّرُ + ه	مزيد	يُفَعِّلُ	مضارع
18. ف + كَسَّرَ + ه	مزيد	فَعَّلَ	ماض
19. أَعْطَى	مزيد	أَفْعَلَ	ماض
20. طَلَبَ	مجرد	فَعَلَ	ماض
21. يُكَسِّرُ + وه	مزيد	يُفَعِّلُ	مضارع
22. ف + حَاوَلَ	مزيد	فَاعَلَ	ماض
23. يَقْدِرُ	مجرد	يَفْعِلُ	مضارع
24. نَظَرَ	مجرد	فَعَلَ	ماض
25. وَضَعَ	مجرد	فَعَلَ	ماض
26. اِتَّحَدَ + تم	مزيد	اِفْتَعَلَ	ماض
27. تَفَرَّقَ + تم	مزيد	تَفَعَّلَ	ماض

17.5.4 **PERINGATAN**

- a- Aplikasi di atas bertujuan menunjukkan teknik mengenal BENTUK KK .
- b- PASTIKAN anda memahami dengan baik perbezaan antara setiap bentuk KK

17.5.5 **TERJEMAHAN TEKS**

Ada seorang laki tua. Dia sudah tidak mampu menanggung beban kehidupan. Dia mempunyai tiga orang anak lelaki yang kuat. Dia telah mendidik mereka dengan didikan agama yang baik. Mereka menyayangi dan mentaati nya. Mereka tolong menolong dalam melaksanakan tugas kepada keluarga mereka.

Setelah masa berlalu, lelaki tersebut telah jatuh sakit teruk. Dia ingin berpesan kepada anak-anaknya –sebelum mati- satu pesanan yang berguna dalam kehidupan mereka. Dia berharap mereka akan mengambil faedah daripadanya pada masa depan mereka.

Lelaki itu telah menghimpun (memanggil) ketiga-tiga anaknya. Kemudian dia telah memberi setiap orang sebatang kayu supaya dipatahkan. Setiap mereka telah dapat mematahkan kayu tersebut dengan mudah. Berikutnya dia memberi kepada setiap mereka seberkas kayu dan meminta mereka mematahkan nya. Setiap orang telah cuba mematahkannya, namun tidak berdaya.

Lelaki itu terus memandang kepada anak-anaknya. Dia merenung ke dalam mata mereka dan berkata: "Kamu, Wahai anak-anakku! Umpama berkas kayu ini. Kamu menjadi kuat apabila kamu bersatu dan menjadi lemah apabila kamu berpecah".

17.6 PEROLEHAN

1. Sehingga ke tahap ini, pastikan bahawa anda telah menguasai perkara-perkara berikut :-
 - ✓ Memahami "Bentuk KK" (Wazan)
 - ✓ Kaedah pengimbuhan KK
 - ✓ Menghafal WAZAN KK MAZID dengan lancar
2. AWAS ! **Formula 17** ini adalah **ASAS PALING UTAMA** kepada proses perolehan Bahasa Arab. KECUAIAN anda dalam kes ini akan menghalang penguasaan BA anda sehingga hari kiamat.
3. JIKA TAK FAHAM-FAHAM JUGA Hubungilah kami di talian Infoline kami -019-9599058.

- والله أعلم بالصواب -